

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 28 RABU 9 JULAI, 1969 1389 ربيع الاخير 23 رابو PERCHUMA

PENDUDOK2 KAMPONG DI-NASIHATKAN JANGAN DENGAR KHABAR2 ANGIN

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Ali bin Awang Besar telah menasihatkan Penghulu2 dan Ketua2 Kampung agar memberikan kerjasama untuk menasihatkan kepada anak2 kampung mereka supaya jangan mendengar atau menyebarkan melapor2 angin.

"Perkara ini, ada-lah tanggung jawab Penghulu2 dan Ketua2 Kampung untuk menyiasat dan menasihatkan anak buah-nya agar jangan mereka terkeliru," tegas beliau.

Jika Penghulu2 dan Ketua2 Kampung memikirkan khabar atau berita angin itu akan membahayakan keselamatan anak2 kampung, harus-lah mereka melaporkan berita itu kepada pehak pulis atau pun kepada Pegawai Daerah supaya pehak yang berkenaan akan mengambil tindakan yang tegas atas penyibar berita2 angin itu.

Ini telah di-nyatakan beliau dalam satu perjumpaan dengan penghulu2 dan ketua2 kampung di-Dewan Kemasharakatan baharu2 ini bagi membincangkan sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Mengenai keselamatan kampung beliau menasihatkan:

Jika ada orang yang tidak di-kenali atau pun orang luar yang tidak mempunyai document pengenalan yang sah atau tidak sesuai tinggal di-kampung itu harus-lah Penghulu2 dan Ketua2 Kampung menyelidiki-nya dengan teliti dan menyiasat orang itu.

"Sekira-nya ia ingkar memberi keterangan2 yang memuaskan maka ada-lah tanggung jawab Penghulu2 dan Ketua2 Kampung untuk melaporkan perkara itu kepada pehak Pulis atau Pegawai Daerah sendiri," tegas beliau.

Menyebut tentang projek2 daerah beliau berkata bahawa dalam tahun 1968 hing-

Pesurohjaya Tinggi British berchuti



ga pada masa ini telah banyak jalan2 kecil di-bena bagi kemudahan pendudok2 kampung pendalaman membawa hasil2 tanaman mereka kepada pasar untuk di-jual.

"Tetapi hasil2 yang ada sekarang nampak-nya belum (LIHAT MUKA 8)

BERAKAS. — Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair telah berlepas ka-Britain pada minggu lepas kerana berchuti.

Dalam satu temuramah sebelum meninggalkan lapangan terbang Berakas, Awang

Adair telah menafikan khabar2 angin bahawa pemerintahan beliau ka-Britain itu adalah untuk membuka jalan bagi perundangan2 di-antara kerajaan British dengan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Tetapi walau bagaimana pun, Awang Adair menegaskan bahawa beliau akan mengadakan perbincangan2 biasa dengan pegawai2 British mengenai lain2 perkara.

Turut menguchapkan selamat belayar kepada Pesurohjaya Tinggi itu ia-lah Setia Usaha Pertama kepada Pesurohjaya Awang E.W. Bird dan Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Mohd Taib bin Awang Besar.

Semasa ketiadaan Awang Adair, Awang E.W. Bird akan bertugas sa-bagai ketua Surohanjaya British di-Brunei.

Tabong Rayuan Tentera Gurkha di-tubuhkan di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sebuah Jawatankuasa Tabong Rayuan Untuk Kebajikan Tentera Gurkha telah dibentuk di-Brunei di-bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Jawatankuasa itu di-penguruskan oleh Menteri Besar dan di-anggotai oleh Y.T.M. Duli2 Wazir, Kerajaan, badan2 perniagaan, tentera dan pulis dan juga orang2 Gurkha.

Tabong Rayuan itu ia-lah

bertujuan untuk mengutip wang bagi memenohi keperluan kebajikan askar2 Gurkha yang bersara dari tentera British dan keluarga2 mereka.

Berikutan dengan keputusan kerajaan British untuk mengurangkan bilangan orang2 Gurkha dalam tentera bilangan orang2 yang menerima penchen akan bertambah kepada 18,000 orang pada penghujung tahun 1971.

Chara mengutip derma itu akan di-jalankan berbagai2 rupa di-antara-nya lawatan mengutip derma oleh pasukan pancharagam Askar Gurkha, pasar gembira di-Seria pada 12 dan 13 Julai dan derma dari badan2 perniagaan, kedai2 serta orang2 perseorangan.

Gambar atas menunjukkan Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Awang Mohd. Taib ketika menguchapkan selamat belayar kepada Awang Adair sambil di-perhatikan oleh Awang Bird.

PEGAWAI DAERAH RASMIKAN PAMERAN LUKISAN DAN PERTUKANGAN TANGAN

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh, melahirkan harapan semoga seni lukis dan seni pertukangan tangan, akan menjadi satu mata pencharian kepada mereka yang benar2 bergiat dalam lapangan itu pada masa akan datang.

Pegawai Daerah itu berkata demikian sa-masa beliau merasmikan pembukaan Pameran Lukisan dan Pertukangan Tangan Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong Dua, yang di-adakan di-Sekolah Melayu Abdul Rashid Tanjong Maya pada hari Khamis lepas.

Pegawai Daerah itu telah menguchapkan tahniah dan memuji2 atas usaha2 Jabatan Pelajaran bagi memupok dan mengembangkan seni lukis kepada murid2 sekolah di-seluruh negeri ini.

Awang Mohamad Sum bin Hashim, wakil dari Jabatan Pelajaran turut juga memberikan ucapan.

Antara lain beliau berkata dalam tahun 1965 Jabatan Pelajaran telah menghantar 50 keping lukisan untuk di-pamerkan di-England dan 20 daripadanya telah mendapat kepujian.


Beliau berkata lukisan2 itu juga banyak di-hantar ka-negeri Jepun di-mana pertukaran lukisan telah di-lakukan.

Guru Besar Sekolah itu, Che'gu Ramli bin Haji Abdul Kadir, juga turut memberi ucapan.

Sa-banyak 18 buah sekolah2 Melayu di-bahagian Tutong Dua dari murid2 yang berumur antara 6 hingga 14 tahun, telah turut mengambil bahagian.

Sekolah Melayu Abdul Rashid telah menjadi johan dalam pameran itu naib-johan — Sekolah Melayu Pemancha Saging dan ketiga Sekolah Melayu Lubuk Pulau.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Awang Mohamad Zain bin Serudin ahli Majlis Mashuarat Negeri.



Gambar atas menunjukkan Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman kelihatan sedang menyaksikan hasil2 pertukangan tangan yang di-pamerkan pada hari itu. Di-kiri beliau ia-lah Y.B. Awang Mohd. Zain, Awang Abdullah, Nadzir Sekolah2 Melayu Tutong Dua dan Awang Ramli, Guru Besar Sekolah Melayu Abd. Rashid. Sementara gambar bawah: Y.B. Awang Mohd. Zain sedang menyampaikan piala kepada wakil Sekolah Melayu Abdul Rashid yang telah menyandang johan dalam pameran tersebut.



Peraduan "Ratu Brunei"

BANDAR BRUNEI. — Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Bandar Brunei akan menganjorkan peraduan Ratu Brunei 1969 sa-bahagian dari achara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Pengerusi Jawatankuasa Peraduan Ratu Brunei, Dayang Rogayah bte. Abdul Rahman berkata, peraduan tersebut akan di-adakan di-Bandar Brunei pada 9 Ogos.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kepada wanita2 yang berumur 16 tahun ka-atas.

Dayang Rogayah berkata, pemenang pertama dalam peraduan itu akan di-hadiahkan tambang perchuma dengan kapal terbang dari Brunei ka-Thailand yang di-hadiahkan oleh Sharikat Penerbangan Cathay Pacific.

Beliau berkata, tiket yang bernasib baik akan di-hadiahkan tambang perchuma ka-Singapura yang di-hadiahkan oleh Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura.

Satu lagi hadiah tambang perchuma dari Brunei ka-Kota Kinabalu akan di-hadiahkan kepada pemegang tiket meja yang berharga \$5.00.

Masok untuk menyaksikan peraduan tersebut akan dikenakan tiket ia-itu \$3.00 bagi pasangan dan \$2.00 bagi sa-orang.

Borang2 untuk menyertai peraduan tersebut boleh didapati dari Setia Usaha Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Bandar Brunei, Dayang Mahani bte. Abdul Latif di-Jabatan Kebajikan Masharakat. Borang2 yang telah disisikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 2 Ogos, 1969.

Perarakan tanglong jalan kaki

BANDAR BRUNEI. — Perarakan kereta dan basikal berhias bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi Daerah Brunei/Muara akan di-adakan pada 16 Julai mulai pukul 2.00 petang.

Pada sebelah malam-nya kereta2 dan basikal2 berhias itu juga akan mengambil bahagian dalam perarakan tanglong berjalan kaki yang di-adakan di-Bandar Brunei mulai pukul 7.30 malam.

Orang2 yang maseh belum menghantar borang2 permohonan mereka untuk menyertai peraduan2 tersebut hendak-lah menghantarkan-nya sama ada kepada pengerusi peraduan di-alamat Jabatan Perkhidmatan Perubatan atau Setia Usaha-nya, di-alamat Pejabat Penchen2 Negara Bandar Brunei.

Lumba perahu di-Sungai Belait 20 Julai

KUALA BELAIT. — Lumba perahu akan di-adakan di-sungai Belait pada 20 Julai, ia-itu bersempena menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi daerah itu.

Setia Usaha Lumba Perahu Awang W.W. Perera menyatakan, perlumbaan itu ada-lah terbuka kepada penduduk2 di-negeri Brunei yang diam di-

daerah tetanga.

Kata-nya, sa-banyak enam belas jenis perlumbaan akan di-pertandingkan termasuk lumba perahu 30 orang jarak kira2 dua batu dan perlumbaan perseorangan dengan menggunakan dram minyak.

Sementara itu, Awang Perera telah meminta Awang Lakim dan Awang Suhaili Maflin kedua2-nya dari Daerah Brunei, yang menjadi johan tahun lalu, supaya mengembalikan piala2 rebutan dengan seberapa segera.

Awang Lakim dan Awang Suhaili masing2 menjadi johan dalam perlumbaan perahu 15 orang dan out-boat jenis 33 kuda.

Jalani kursus di-Melaka

BANDAR BRUNEI. — Awang Abdullah bin Haji Halus, Merinyu Perikanan di-Jabatan Perikanan telah berlepas ka-Malaysia Barat pada minggu lepas, untuk menjalani kursus perikanan di-Melaka.

Awang Abdullah akan menjalani kursus dalam semua aspek ternakan ikan tawar di-Institute Penyelidikan Ternakan Ikan Tropika, Melaka.

Beliau di-jadulkan berada di-sana sa-lama lima atau enam bulan.

Awang Abdullah pernah berkhidmat sa-bagai Pegawai Luar di-Jabatan Pertanian sebelum berkhidmat dengan Jabatan Perikanan sa-tahun yang lalu.

Beliau ia-lah Merinyu Perikanan yang kedua mengikuti kursus di-institute tersebut.

KHUTBAH JUMA'AT

MENEROKA ANGKASA LEPAS TIDAK ASING DI-SISI UGAMA ISLAM

KALAU kita perhatikan ayat2 suchi Al-Koran dalam surat An-naba' dari ayat 6 hingga 16 akan kita dapati bahawasa-nya Allah Subaha-nahu-wataala memperingatkan manusia supaya memperhatikan dan menyelideki keadaan alam di-sekelilingi-nya, termasuklah bumi yang terbentang luas dan banjaran bukit2 dan gunung2 yang menjadi sa-bagai pasak-nya.

Dan juga Allah memper- ingatkan supaya manusia mem- perhatikan dan mempelajari keadaan mereka itu sendiri ter- masok-lah mereka hidup ber- pasang2an untuk menuju keru- konan dan menyambong ke- turunan.

Memperhatikan bangun dan tidor yang saling berganti da- lam mana ada-nya waktu ber- isterehat sesudah bekerja keras untuk menunaikan tugas bagi mengisi kehendak2 hidup, sa- terus-nya Allah subahan-nahu- Watalla menyuruh manusia memperhatikan alam yang di- atas-nya terkandung-lah kea- daan langit dan angkasa serta bintang2 yang berkelipan2.

Penyelidekan terhadap alam terkandung-lah juga perkara2 udara, angin, awan dan hujan, yang mana perkara2 itu rapat hubungan-nya dengan bumi dan kesuboran tumbuh2an khas-nya yang di-usahakan oleh manusia.

Dunia yang bergerak maju sekarang ini khas-nya dalam bidang sains dan teknik yang mana Amerika dan Russia se- dang giat memerhati dan menganalisa keadaan alam angkasa lepas dan kini usaha2 mendaratkan manusia ka-bulan sudah terbayang kejayaan-nya yang mana dahulu-nya me- rupakan suatu impian di-alam angan2.

Sa-benar-nya ugama kita ber- dasarkan ayat2 suchi Al-Koran yang di-antara maksud-nya di- sebutkan tadi menyuruh kita memerhatikan alam termasuk angkasa lepas maka jangan-lah terfikir kepada kita bahawasa- nya Ugama Islam yang kita anuti itu suatu Ugama yang beku, tetapi kekesalan timbul oleh kerana para pemelok-nya belum mengetahui dengan sempurna-nya akan ajaran2 Al- Koran sa-hinggakan ada-nya anggapan2 bahawa meneroka angkasa lepas tidak ada sang- kut paut-nya dengan ajaran2 Ugama kita. Anggapan saperti ini ada-lah bertentangan de- ngan ajaran2 Al-Koran.

"Allah memperingatkan manusia supaya memerhati dan menyelideki keadaan alam di-sekeliling-nya, termasuk bumi yg. terbentang luas dan banjaran bukit2 dan gunung2"

Maka ilmu teknik dan sains ia-itu hasil daripada penyeli- dekan terhadap alam hendak- lah di-pelajari oleh kita kalau kita mahu hidup sesuai dengan kemajuan dunia sekarang ini. Kita tidak mahu ketinggalan — kita tidak mahu mundur, ba- hkan kita mahu maju kita mahu negeri kita subur, makmor ba- hagia.

Dalam pada itu jangan-lah sekali2 kita meninggalkan pe- lajaran fardhu 'ain khas-nya mengenai dengan tauhid pada mengesakan Tohan dan amal ibadat saperti sembahyang, puasa dan zakat kerana di- takutkan kemajuan yang se- mata2 berdasarkan kebendaan akan boleh menyimpangkan kita daripada ajaran2 Ugama



kita yang sa-benar-nya ia-itu hidup mulia di-dunia dan ber- chita2 untuk bahagia mengisi Shorga di-akhirat kelak.

Perkara mempelajari ilmu teknik ini pernah di-sentuh oleh Duli Yang Maha Mulia dalam majlis penyampaian sijil2 kepada penuntut2 Mak- tab Perguruan Brunei pada 21 Jun 1969 saperti titah Baginda berikut:

"Laila ilmu teknik moden hendak-nya kita bela, pelihara, kita asoh sa-baik2-nya untuk menambah dan melailakan pengetahuan kita sendiri."

**448 orang
ingin menunaikan
fardhu Haji**

BANDAR BRUNEI. — Ba- hagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama telah men- daftarkan 448 orang dari se- luruh negeri yang ingin menu- naikan fardhu haji tahun ha- dapan.

Dari jumlah itu sa-ramai 289 akan pergi dengan kapal laut sementara yang lain-nya akan pergi dengan kapal ter- bang.

Pemohon2 itu ia-lah 399 dari Daerah Brunei/Muara, empat orang dari Tutong, 19 dari Belait dan 26 dari Temburong.

Jumlah bakal2 haji dari Daerah Temburong ada-lah terbesar pada tahun ini di- bandingkan dari tahun2 su- dah.

Dalam musim haji yang le- pas sa-ramai kira2 400 orang dari seluruh negeri ini telah menunaikan fardhu haji ka- Mekah.

Pendaftaran bagi orang2 yang ingin menunaikan fardhu haji pada tahun hadapan te- lah di-tutup pada 30 Jun.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 9 Julai, 1969 hingga ka-hari Selesa 15 Julai, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Matahari Superkini di Pulau Pinang								
Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
9	Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
10	Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
11	Julai	12-30	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13
12	Julai	12-30	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13
13	Julai	12-30	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13
14	Julai	12-30	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13
15	Julai	12-30	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



9 Julai, 1969.

BAHAYA**KHABAR2 ANGIN**

SA-SORANG tidak kira dari golongan mana pun adalah sama2 bertanggung-jawab bagi menjaga dan meninggikan nilai2 keamanan dalam negara di-mana mereka berlandong di-bawah bumbung negara itu lebeh2 lagi pada mereka yang mengaku bahawa bumi negara yang mereka pijak itu ada-lah tumpah darah-nya dan bakal mereka bersemedi di-dalam-nya.

Keamanan jika sudah di-rosakan ada-lah sukar sekali untuk mengembalikannya dalam jangka waktu yang singkat, malah ia-nya memakan masa yang terlalu panjang di-samping mengorbankan kewangan negara yang bukan sedikit jumlah-nya. Pun, kerana mengembalikannya itu dengan cara yang lebeh berkesan, maka orang2 yang di-shaki terlibat kerana menghuru-harakan negara akan menghadapi pula kesusahan2 yang di-kenakan ke-atas-nya. Apa lagi pada yang benar2 melakukan kekacauan itu jika thabit kesalahan-nya maka ia tidak boleh lari dari hukuman2 yang berat.

Sa-sorang yang di-dapati salah kerana mempurakperandakan keamanan negara bukan hanya bertentangan di-segi undang2 keselamatan negara, bahkan juga di-segi hukum2 kemasyarakatan.

Bagi mengelakkan sa-barang kejadian yang tidak di-ingini, maka ada-lah amat perlu sa-tiap raayat mengawal diri masing2 dan meneguhkan semangat dan keimanan mereka supaya tidak mudah di-masoki oleh anasir2 yang jahat. Kita amat perlu menguasai kekuatan berfikir dan mengamalkan dasar tidak mudah menerima sa-suatu khabar yang sifat-nya samar2 atau dengan lain2 perkataan khabar2 angin yang tidak berasas. Sa-suatu yang datang kepada kita jangan mudah di-anggap sa-bagai yang baik sahaja walau pun ia-nya di-sampaikan dengan penoh hormat dan keimanan budi bahasa, kerana kita tidak sedar kemungkinan2 ada-nya kejahatan di-sebalek kebaikan itu.

Kalau kita berfikir demikian rupa, maka neschaya kita akan menemui suatu kepastian dan jika kepastian itu ternyata amat baik bagi kita tidak-lah merupakan sa-harus-nya diterima bahkan harus di-tinjau fikiran2 dari orang lain, kerana yang baik bagi kita tidak mungkin baik bagi orang lain dan juga tidak mungkin baik bagi negara dan bangsa.

Jika sa-suatu khabar2 angin yang tidak tentu hujung pangkal-nya itu sudah barang tentu khabar2 yang sifat-nya tidak bertanggung-jawab dan kita hendak-lah lari dari khabar2 sa-umpama ini.

Menyebarkan khabar2 angin yang tidak berasas itu ada-lah satu bahaya yang mesti di-elakkan, kerana jika kita membiarkan diri di-kuasai oleh khabar2 angin itu ia-nya tidak akan menguntungkan, bahkan ia-nya boleh menimbulkan bahaya2 yang kesan-nya bukan hanya pada diri penyibar khabar2 angin tersebut bahkan boleh mengganggu kebahagiaan dan keamanan raayat dan negara.

Gerakan mendaftar raayat yang berkelayakan mengundi

BANDAR BRUNEI. — Saperti biasa pada tahun2 yang lepas, pegawai2 pendaftar akan melawat kampung2 diseluruh Negeri sa-lama sabulan mulai 12 Julai ini untuk mendaftarkan raayat yang berkelayakan mengundi dalam pilihan2 raya mengikuti kehendak2 Undang2 Pilihan Raya.

Pendaftaran tahunan itu ada-lah di-jalankan di-bawah Peratoran2 Pilihan Raya (Pendaftaran Pengundi2) tahun 1964 yang menetapkan bahawa daftar pengundi mahu-lah di-ubah pada bulan Julai pada tiap2 tahun.

Pada tahun ini Surohanjaya Pilihan Raya telah menetapkan bahawa pendaftaran kerana mengubah daftar2 pengundi akan di-mulai pada 12 Julai dan di-tamatkan dalam masa sa-bulan sa-hingga 12 Ogos, hadapan.

Tujuan mengubah daftar pengundi itu tiap2 tahun ia-lah supaya sentiasa terdapat suatu senarai pengundi yang lengkap yang sa-habis baru yang mengandungi semua raayat yang berkelayakan mengundi.

RAAYAT BRUNEI

Dalam masa sa-bulan sa-hingga 12 Ogos hadapan, pegawai2 pendaftar akan berada di-kampung2 untuk mendaftarkan raayat Brunei yang telah mempunyai kelayakan mengundi pada 11 Julai tahun ini.

Kelayakan2 menjadi pengundi itu pertama-nya ia-lah sa-orang itu mesti-lah raayat Brunei dan berumur sekurang2-nya 21 tahun pada 11 Julai ini.

Sa-orang itu dengan mudah mengetahui sama ada ia raayat Brunei atau tidak dari warna kad pengenalan yang telah di-dapati-nya dari Jabatan Pendaftaran Warga Negara. Orang2 yang mempunyai kad2 pengenalan warna biru itu ada-lah raayat Brunei.

Sama ada mereka itu raayat mengikuti perjalanan Undang2 atau pendaftaran atau telah di-warga negarakan di-bawah Undang2 Keraayatan, sa-telah memenohi syarat2 menjadi raayat ada-lah sama sahaja biru warna kad pengenalan mereka.

Maksud utama di-adakan daftar pengundi itu ia-lah raayat yang telah mendaftarkan nama sahaja dapat

mengundi atau menjadi calon dalam pilihan2 raya.

Ada-lah tanggung-jawab orang2 yang berhak mengundi yang belum mendaftarkan nama mengambil peluang ini dan mendaftarkan nama mereka apabila pegawai2 pendaftar datang ka-kampung masing2 sa-hingga 12 Ogos.

DAFTAR NAMA

Tetapi ada kemungkinan sa-tengah2-nya tidak dapat mendaftarkan nama dengan pegawai2 pendaftar itu oleh sebab sesuatu hal, mithal-nya tidak dapat bertemu dengan pegawai2 Pendaftar itu pada masa mereka melawat ka-kampung2. Kerumitan ini dapat di-atasi dengan bakal2 pengundi itu mendaftarkan nama dengan Pegawai Daerah di-daerah masing2 tidak lewat dari 12 Ogos.

Sa-orang raayat Brunei yang hendak mendaftarkan nama sa-bagai pengundi hendak-lah menunjokkan kad pengenalan-nya kepada pegawai pendaftar. Mereka itu akan menchatetkan butir2 yang terkandung dalam kad pengenalan itu dalam daftar pengundi.

Pendaftaran sa-orang pengundi itu ada-lah bagi suatu bahagian pendaftaran sahaja. Sa-telah di-daftarkan orang itu berhak mengundi dan menjadi calon dalam sesuatu pilihan raya.

Pengubahan daftar pengundi yang akan di-lakukan ini juga untuk membolehkan orang2 yang telah mendaftarkan nama sa-bagai pengundi menukar bahagian pendaftaran mereka berikutan dengan pertukaran alamat serta bahagian pendaftaran.

PENGUBAHAN

Pengubahan itu ia-lah untuk mendaftarkan orang2 yang sejak pengubahan daftar yang di-lakukan dalam tahun lepas telah memperolehi sijil2 keraayatan dan orang2 yang berkelayakan mendaftar tetapi tidak dapat mendaftar nama mereka sa-bagai pengundi dalam tahun lepas.

Kewajipan tiap2 raayat negeri yang berhak mengundi, lelaki dan perempuan yang berumur lebeh dari 21 tahun ia-lah mendaftarkan nama mereka sa-bagai pengundi supaya boleh mereka mengundi dan di-undi.

Pertunjokkan Kesihatan Kanak2

KUALA BELAIT. — Pertunjokkan Kesihatan Kanak2 akan di-adakan di-Daerah Belait bersempena sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi daerah itu.

Pertunjokkan tersebut terbuka kepada kanak2 dari semua bangsa yang tinggal di-Daerah Belait.

Ia-nya akan di-bahagikan kepada dua bahagian. Bahagian 'A' bagi kanak2 yang berumur 6 hingga 12 bulan dan bahagian 'B' bagi kanak2 yang berumur 13 bulan hingga 24 bulan.

Ibu2 yang ingin memasukkan anak2 mereka ka-peraduan itu boleh-lah mendaftarkan nama anak2 mereka ka-klinik2 kesihatan kerajaan di-Seria dan Kuala Belait.

Bagi2 kanak2 yang tidak pernah di-rawat dan di-jaga di-klinik2 kerajaan ada-lah di-kehendaki memberikan keterangan saperti berikut apabila mendaftarkan anak2 mereka.

- Tarikh beranak.
- Berat dan tinggi kanak2 waktu di-lahirkan
- Sijil suntakan bagi menchehag penyakit2.

Pendaftaran akan di-terima hingga 19 Julai, 1969.

Pameran Lukisan**di-Sekolah Melayu****Dato Gandhi**

SA-BANYAK 15 buah Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei tiga akan mengadakan Pameran Seni Lukisan dan pekerjaan Tangan di-Sekolah Melayu Dato Gandhi pada hari Juma'at, 11 Julai, ini.

Pameran itu akan di-mulai pada pukul 8.30 pagi dan pembukaan-nya akan dirasmikan oleh Yang Berhormat, Awang Othman bin Sunggoh, Isteri beliau, Dany Umi Kalthom bte Imam Sarbini akan menyampaikan hadiah2.

Orang ramai ada-lah dipersilakan hadir untuk menyaksikan pameran tersebut.

Sambutan Maulud di-Pekan Muara

PEKAN MUARA — Penduduk2 di-Muara telah menyambut maulud Nabi Mohammad s.a.w. dengan mengadakan rapat di-Masjid Muara dan perarakan di-sekeliling Pekan Muara pada hari Jumaat lepas.

Perarakan itu di-dahului oleh pasukan pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei dan di-ikuti oleh jawatankuasa perayaan dan para jemputan khas.

Lebih dari 1,000 orang yang terdiri dari 27 pasukan yang mengandungi penuntut2 pelajaran dewasa, persatuan2 dan kanak2 sekolah serta penduduk2 dari 10 buah kampung di-Muara telah mengambil bahagian dalam perarakan itu.

Kampung2 tersebut ia-lah Sungai Hanching, Salambigar, Tanah Jambu, Mentiri, Batu Marang, Kapok, Serasa, Sabun, Masjid Lama dan Pekan Muara.

Turut mengambil bahagian dalam perarakan itu ia-lah sa-pasukan sa-ramai 50 orang Bahagian Laut AMDB yang berpangkalan di-Muara dan pekerja2 Pengorek Pelabohan Muara.

Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kemaluddin Al-Haj telah berucap di-rapat itu dan sharahan khas telah disampaikan oleh Awang Yahya bin Haji Ibrahim, sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Pada sa-belah malam-nya Bahagian Penerangan Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menayangkan wayang gambar dan sharahan di-Padang Sekolah Melayu SUAS Muara.

Sementara itu, penduduk2 di-Kampung Junjongan juga telah menyambut hari keputeraan Nabi Mohammad pada hari yang sama.

Kira2 sa-puluh pasukan yang mengandungi kira2 250 orang telah mengambil bahagian dalam perarakan sa-jauh tiga batu dari Sekolah Melayu Junjongan ka-Ujong Jalan dan balek ka-sekolah itu.

Kadhi Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin telah memberi ucapan di-rapat tersebut.



Gambar atas: Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama, Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kemaluddin, Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Ali, ahli2 jawatankuasa serta jemputan2 khas yang telah mengesahkan perarakan Maulud di-Pekan Muara. Sementara gambar2 tengah dan bawah pasukan2 kelas dewasa Ugama perempuan dan pasukan Sekolah Persediaan Inggeris Maktab SOAS yang mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.



Pertunjukkan

masak - masakan

KUALA BELAIT. — Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait akan menganjurkan Pertunjukkan Kerja Tangan dan Masak2an bersempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi daerah itu.

Pertunjukkan itu akan dibahagikan kepada tiga bahagian — sulam menyulam, mengubah bunga2 dan masak2an. Ia-nya hanya terbuka kepada penduduk2 di-Daerah Belait sahaja.

Sa-orang juru chakap pertunjukkan berkata, semua barang yang akan di-tunjukkan kechuali masak2an hendaklah di-hantar kepada Puan M.V. Singham di-rumah F6/1 Panaga pada 20 Julai jam 4.00 petang.

Semua masak2an hendaklah di-hantar ka-Bilek Bachaan. Kuala Belait pada 26 Julai jam 6.30 petang.

Borang2 bagi menyertai pertunjukkan itu boleh di-dapati dari Che'gu Sharifah Maimunah dan Che'gu Dora Hamid di-Seria dan Kuala Belait.

Bayaran masuk di-kenakan 50 sen bagi tiap2 jenis barang yang di-hantar.

Perlumbaan basikal di-Daerah Tutong

TUTONG. — Satu perlumbaan basikal bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 akan di-adakan di-Daerah Tutong pada 25 Julai.

Perlumbaan yang julong2 kali di-adakan di-daerah itu hanya-lah terbuka bagi penduduk2 di-Daerah Tutong sahaja.

Perlumbaan ini akan ber-

mula di-simpang Jalan Danau Telisai dan akan berakhir di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim.

Penduduk2 di-Daerah Tutong dari Persatuan2 Belia, Sekolah2, Kampung2 dan orang2 persaorangan ada-lah di-persilakan menyertai perlumbaan ini.

Borang2 untuk memasuki perlumbaan ini boleh di-dapati dari sekarang daripada Awang

Abd. Hamid bin Abd. Rahman, d/a Sekolah Persediaan Inggeris Tutong dan Awang Abdul Kani bin Md. Said dan Awang Ahmad bin Haji Badar, d/a Sekolah Menengah Melayu Pertama Tutong.

Borang2 untuk memasuki perlumbaan itu hendaklah di-kembalikan kepada Setiausaha Perlumbaan Awang Abdul Hamid bin Abd. Rahman tidak lewat pada 15 Julai, 1969.

34 AHLI SUKAN DI-PILEH KA-SUKAN BORNEO

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Sukan Amateur Negeri Brunei telah memilih 34 orang ahli2 sukan termasuk 10 orang perempuan untuk mewakili negeri ini ka-pertandingan Sukan Borneo yang akan berlangsung di-Kota Kinabalu, Sabah pada 11 dan 12 Julai ini.

Mereka ini telah di-pilih sa-telah memenangi pertandingan dalam tiap2 bahagian yang telah di-adakan di-Gelanggang Sukan, Seria pada 29 Jun lepas.

Mereka akan berlepas ka-Kota Kinabalu esok, 10 Julai.

Berikut ini ia-lah peserta2 yang telah di-pilih untuk mewakili negeri ini dalam sukan tersebut.

BAHAGIAN LELAKI

Lari 100 Meter: Rahim Yusof dan Royston Abad. **Lompat Pagar 400 Meter:** Bahar Arshad dan Siang Gibang. **Lompat Jauh:** Rani Metassan dan Onn Timbang. **Lompat Bergalah:** Abdullah Zakiah dan Onn Timbang. **Lontar Lembing:** Lee Nyuk Ping dan Salim bin Haji Salleh. **Lari 1,500 meter:** Ibrahim bin Abd Rahman dan Zainal Ghana. **Lari 400 meter:** Ismail Sharbini dan Terrence Boyd. **Lompat Tinggi:** Lim Soon Hock dan Chang Siew Khyun. **Lompat Pagar:** Rani Metassan dan Wahid bin Haji Tungkat. **Buang Peluru:** A. Sibidol dan Razak bin Abdullah. **Lari 200 meter:** Zainal Sanip, Abdullah Mustapha dan Momin Ibrahim. **Lompat Kijang:** Chang Siew Khyun dan Cpl. Salam. **Lari 800 meter:** Ismail Sharbini dan Bahar Arshad. **Lempang Piring:** Leong Kiang Yew dan A. Sibidol. **Lari 5,00 meter:** Abdullah bin A. Rahman. **Lari Berganti2 4x100 meter:** Rahim Yusof, Rani Metassan, Zainal Sanip, Abdullah Mustapha dan Royston Abad. **Lari Berganti2 4x400 meter:** Zainal Sanip, Bahar Arshad, Terrence Boyd, Ismail Sharbini dan Royston Abad.

BAHAGIAN PEREMPUAN

Lari 100 meter: Loo Khuan Fong dan Annie Yapp. **Lompat Tinggi:** Margaret Chong. **Buang Peluru:** Sanah bte Tamit dan Dk. Normah bte Pg. Tuah. **Lari 200 meter:** Annie Yapp dan Tan Moi Gek. **Lari Lompat Pagar 100 meter:** Thong Chong Khuan dan Janet Wong. **Lompat Jauh:** Thong Chong Khuan dan Janet Wong. **Lontar Lembing:** Masnah bte Ahmad dan Sanah Tamit. **Lari 400 meter:** Janet Wong dan

Dk. Normah bte. Pg. Tuah **Lempang Piring:** Sanah bte Tamit. **Lari 800 meter:** Dk. Saadiah bte Pg. Tuah dan Tan Moi Gek. **Lari berganti2 4x100 meter:** Loo Khuan Fong, Annie Yapp, Tan Moi Gek, Thong Chang Khuan dan Janet Wong.



Gambar atas: Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masnah sedang menyampaikan perisai kepada Pandu Puteri dari pasukan St. Andrews yang telah berjaya dalam perlumbaan jalan kaki yang telah di-adakan pada 29 Jun lepas. Sementara gambar kiri menunjukkan budak2 Brownies yang telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.



Dalam perlumbaan itu sa-ramai kira2 200 orang Pandu2 Puteri dan budak2 Brownies telah mengambil bahagian. — Gambar2 kiriman Pengiran Radin.

FILEM KESIHATAN AKAN DI-TAYANGKAN KA-KAMPONG2

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan akan menayangkan sa-buah filem kesihatan kepada murid2 sekolah di-negeri ini.

Filem tersebut di-pinjam dari Perkhidmatan Penerangan Amerika — USIS di-Singapura dan ia-nya memakan masa tayangan sa-lama

sa-jam lebih.

Pegawai Perubatan dan Kesihatan, Dr. Y.H. Pike berkata, Filem tersebut menunjukkan semua aspek mengenai kesihatan termasuk penggunaan ayer, bahaya dan chara mencegah penyakit2 batuk kering, malaria dan lain2 penyakit.

Filem tersebut akan di-tayangkan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan sa-lama lima hari bagi murid2 sekolah di-kawasan Bandar Brunei.

Murid2 sekolah di-lain2 daerah dapat menyaksikan filem tersebut pada satu tarikh yang akan di-tetapkan kelak.

Jabatan Perubatan juga membuat ranchangan untuk menayangkan filem tersebut di-kampung2 melalui rombongan filem bergerak Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Penyemboran ubat DDT

BANDAR BRUNEI — Rombongan Projek Penghapusan Malaria sekarang ini sedang menjalankan penyemboran ubat DDT di-sa-puloh buah kampung di-Daerah Brunei/Muara.

Di-bawah ranchangan tersebut, semua rumah2 dan bangunan2 akan di-sembor dengan ubat DDT.

Sa-banyak 1,179 liter ubat DDT akan di-gunakan dalam kerja penyemboran itu.

Peraduan membacha Koran dan sharahan

TEMBURONG. — Sa-ramai 16 orang murid, termasuk lapan orang perempuan, dari sekolah2 agama di-Daerah Temburong, akan mengambil bahagian dalam peraduan Membacha Koran, dan Sharahan agama pada hari Sabtu, 12 Julai mulai jam 9.00 pagi di-dewan Masjid Utama Mohamed Salleh di-Bangar.

Peraduan itu ia-lah untuk memilih wakil2 dari Daerah Temburong, ka-peraduan peringkat negeri.

Pertandingan itu akan dirasmikan oleh Kadhi Daerah Temburong, Yang Di-Muliaan Begawan Mudin Haji Adnan, sementara hadiah2 disampaikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak.

Orang ramai di-persilakan datang menyaksikan pertandingan itu.

Peraduan berchuchul rumah2

KUALA BELAIT. — Peraduan berchuchul, akan merupakan sa-bahagian dari acara perayaan, bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, dan Yang di-Pertuan Negeri Brunei, di-Daerah Brunei.

Sa-orang juruchapak jawatankuasa pertanding berchuchul berkata, pertandingan tersebut, ada-lah bagi bangunan yang di-hias dengan lampu2 letrik.

Juruchapak itu berkata, pertandingan tersebut, akan di-bahagikan kepada lima bahagian — rumah2, bangunan2 perniagaan, kedai2, sekolah2 dan rumah2 pangsa kerajaan.

Peserta2 di-kehendakki memasang chuchul mereka pada

tiap2 malam dari 20 hingga 27 Julai mulai jam 7.00 malam hingga 11.00 malam.

Borang2 masuk menyertai peraduan itu, boleh di-dapati dari Pejabat2 Kerajaan, dan Pejabat Sharikat Minyak Shell Brunei.

Borang2 itu, hendak-lah di-hantarkan kepada Pejabat Letrik di-Kuala Belait, atau Seria, tidak lewat dari 14 Julai.

Jambatan baru untuk Kg. Wasan

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Daerah Brunei Muara, akan membina sa-buah jambatan kayu yang baru, di-Jalan Kechil di-Wasan, Ulu Sungai Brunei.

Jambatan itu akan menggantikan jambatan kayu yang ada sekarang, yang telah dibina oleh Pejabat Daerah kira2 10 tahun yang lalu, dibawah projek pembangunan luar bandar-nya.

Jambatan yang panjang-nya 40 kaki dan lebar 12 kaki itu boleh di-gunakan oleh kenderaan yang sederhana berat-nya dengan muatan tidak lebeh dari 10 tan.

Pembinaan jambatan itu akan memakan masa kira2 sa-bulan.

Pejabat Daerah baru2 ini, telah selesai membina jalan2 kechil dari Wasan ka-Kampung Batang Mitus di-Daerah Tutong. Jalan2 kechil sepanjang kira2 dua batu, akan menghubungkan jalan2 kechil di-antara Wasan dan Kampong Batang Mitus.

Orang2 di-kawasan Ulu Sungai Brunei, sekarang dapat pergi ka-Lamunin, lain2 tempat di-Daerah Tutong, dengan jalan raya melalui Kampong Batang Mitus dalam musim kering.

250 orang meninjau Khemah AMDB

BERAKAS. — Kira2 250 orang dari berbagai persatuan belia, budak2 pengakap dan murid2 sekolah di-negeri ini telah melawat khemah Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas pada hari Jumaat lepas.

Ketibaan pelawat2 itu telah di-sambut oleh pegawai pemandu.

Pegawai Pemerintah, Lt. Col. J.J.H. Simpson telah memberi penerangan kepada pelawat2 itu mengenai semua aspek tugas dan tanggung-jawab anggota askar itu.

Mereka kemudian-nya telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian dalam khemah tersebut.

JAWATAN—JAWATAN KOSONG

Di-Dewan Bahasa dan Pustaka

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

(1) PENOLONG PENGARANG

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu dan lulus Sijil Persekolahan Sebarang Laut atau yang sa-banding dengan-nya;
- Mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang baik dalam hal menga-

rang makalah dan cherita pendek;

- Berpengalaman dalam kerja2 majallah dan akhbar sa-lama sekurang2-nya dua tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3 EB 4 — \$380x20 — 480 EB/500x20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(2) PENOLONG PENYUNTING

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu dan lulus Sijil Persekolahan Sebarang Laut atau yang sa-

banding dengan-nya;

- Mempunyai pengetahuan tinggi dalam Bahasa Melayu dan mempunyai pengalaman sa-bagai penyunting;

- Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan sa-perti di-perenggan (a) diatas tetapi mempunyai pengalaman luas sa-bagai penyunting akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3 EB 4 — \$380x20 — 480/EB/500x20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei hendak-lah di-kembalikan bersam2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 24 Julai, 1969.

Sa-bagai Kerani Tingkatan 'A'

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa dari chalun2 yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'A' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan.

Kelayakan2:

- Chalun2 yang di-lantek mesti-lah sudah mencapai umur 17 tahun.
- Chalun2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran dalam Bahasa Melayu atau yang sa-banding dengan-nya.
- Pegawai2 yang di-dalam perkhidmatan Kerajaan serta yang berjawatan tetap dan yang telah lulus Peperiksaan Kerani2 Rendah bagi Kerani Tingkatan 'A' boleh juga memohon.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1—2 — EB 3—4 — \$210x10—270x15 — 285/E X A M B A R/300x15 — 360/EB 380x20 — 560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti

di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Julai, 1969.

Sa-bagai Ahli Bomba Pelateh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Ahli Bomba Pelateh dalam Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur — di-antara 18 dan 28 tahun.
- Tinggi — sekurang2-nya lima kaki empat inchi.
- Pelajaran — sa-orang pemohon hendak-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau darjah yang sa-banding di-Sekolah Inggeris atau lain2 sekolah.

Kesihatan:

Pemohon2 ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan kesihatan dan mereka mesti-lah mempunyai badan yang tegap.

Menjalankan Tugas2:

Chalun2 yang berjaya apabila di-daftarkan ada-lah di-

kehendaki menjalankan tugas di-mana2 Balai Bomba dalam negeri.


Gaji:

Mulai dari \$180/— sa-bulan dan sa-lepas berkhidmat sa-lama 6 bulan dengan memuatkan chalun2 yang di-pileh akan di-naikkan pangkat menjadi Ahli Bomba Peringkat kedua dengan gaji \$210/— sa-bulan dalam tingkatan gaji \$210x5 — 245.

Tempat Kumpulan Pengambilan:

Semua pemohon2 ada-lah diminta hadir di-tempat kumpulan pengambilan di-Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Bandar Brunei di-masa hari bekerja tiap2 hari mulai daripada 21 Julai, 1969 hingga 24 Julai, 1969 kechuali pada hari2 kelepasan untuk di-uji. Chalun2 hendak-lah membawa bersama2 mereka Sijil Beranak, Sijil Pelajaran dan Kad Pengenalan semasa datang ka-tempat pengambilan tersebut.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim



Harga2 barang: Dewan Perniagaan China beri amaran pekedai2

BANDAR BRUNEI. — Yang Di-Pertua Dewan Perniagaan China, Yang Di-Muliakan Pehin Kapitan China Awang Lim Teck Ho hari ini telah menyeru kepada semua pekedai2 di-Bandar Brunei supaya jangan menaikkan harga barang2 dan menchari keuntongan yang berlebihan berikutan dengan kenaikan gaji Askar dan Polis.

Ketika di-temui, Pehin Kapitan China berkata, ada-lah kurang munasabah jika kenaikan gaji Askar dan Polis di-jadikan alasan menaikkan harga2 barang pada masa ini.

Dewan Perniagaan China di-Bandar Brunei, kata-nya, telah pun mengeluarkan surat keliling memberitahu kepada semua pekedai2 supaya jangan menaikkan harga barang2 dan jangan mengambil kesempatan yang timbul dari masa2-alah itu.

Yang Di-Muliakan Pehin Kapitan China menerangkan bahawa jika terdapat perbezaan harga2 barang dari sebuah kedai dengan kedai yang lain, orang ramai ada-lah berhak mengadakan perkara itu kepada Lembaga Dewan Perniagaan China.

Pehin Kapitan China itu juga mengingatkan kepada penjual2 sayur, ikan, daging dan ayam di-Pasar Bandar Brunei, supaya jangan menjual dengan harga yang tinggi kerana barang2 itu kebanyakan-nya di-usahakan di-negeri ini.

Yang Di-Pertua Dewan Perniagaan China itu juga telah membuat pengakuan bahawa Lembaga Dewan Perniagaan China akan sentiasa memberikan kerjasama-nya kepada pihak kerajaan dan menjaga nama baik negeri bagi mengekalkan keamanan dan ketenteraman.

Jangan dengar khabar2 angin

(DARI MUKA 1)

lagi chukop memuaskan. Dari itu Penghulu2 dan Ketua2 Kampong hendak-lah menasihatkan anak2 kampong mereka supaya lebih giat lagi berchuchok tanam untuk menambahkan hasil pertanian.

Beliau juga menasihatkan anak2 kampong yang belum lagi memiliki tanah untuk di-usahakan supaya memohon tanah2 T.O.L. kepada Pejabat Tanah. Perkara ini kata beliau, harus di-amal berat oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampong demi untuk meningkatkan lagi hasil pendapatan mereka di-samping menambahkan lagi tanaman di-negeri ini.

Pegawai Daerah juga menerangkan Projek2 Luar Bandar yang telah siap seperti berikut:—

- Membina Jalan Kechil sepanjang 1,434 rantai.
- Membina Jambatan Perhentian sa-panjang 1,712 kaki

- Membina Jambatan Perhubungan Kampong Ayer sa-panjang 15,024 kaki dan
- Membina banyak ampangan ayer dan saloran paip sa-panjang 25,590 kaki.

Jalan2 Kechil yang tersebut maseh banyak lagi yang belum dibuboh batu karang. Ini di-sebabkan Jabatan itu tidak mempunyai kenderaan yang mencukupi untuk mengangkat batu2 karang.

Tetapi kata Awang Mohammad Ali Pejabat Daerah akan berusaha untuk meningkatkan lagi mutu jalan2 kechil dengan membuboh batu2. Kerja ini tidak boleh di-buat dengan sa-chepat-nya dari itu di-harap penduduk2 kampong yang mempunyai jalan kechil yang belum berbatu di-harap akan bersabar.

Awang Mohammad Ali memberi jaminan bahawa di-satu hari nanti penduduk2 Kampong Pendalaman akan mempunyai Jalan Raya Kechil yang boleh di-gunakan sepanjang masa.

Pembukaan rasmi bangunan Pusat Belia di-tanggohkan

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri mengumumkan, bahawa pembukaan rasmi bangunan Pusat Belia di-Bandar Brunei, telah di-tanggohkan.

Beliau berkata, penangguhan kepada suatu tarikh selepas bulan Julai, ada-lah perlu kerana kelengkapan2 bangunan tersebut tidak dapat di-sediakan mengikut yang di-jadualkan.

Pembukaan pusat itu, telah di-ranchangkan untuk diikuti oleh Malam Pesta Budaya, yang di-anjarkan oleh Jabatan Kebajikan.

Persatuan2 Belia, akan mengambil bahagian dalam Malam Pesta Budaya itu, dengan pertunjukan tarian2 dan lagu2 asli dan pertunjukan pentas.

Awang Salleh berkata, memandang kepada penang-

gohan pembukaan rasmi pusat itu, tarikh penutupan bagi menyertai Malam Pesta Budaya itu sekarang di-lanjut-kan hingga 20 Julai.

Beliau meminta persatuan2 belia supaya meneruskan latihan2 dan mereka yang belum menyertai-nya ada-lah di-jemput menghantarkan borang2 perakuan tidak lewat daripada 20 Julai.

Empat usol di-luluskan

PEKAN TUTONG. — Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang telah bersidang pada hari Sabtu lepas telah meluluskan tiga usol.

Usol yang pertama di-kemukakan oleh Awang Haji Hanafi bin Mohammad Daud — wakil Pekan Tutong — meminta kerajaan supaya menempatkan sa-orang doktor gigi di-daerah itu. Usol kedua di-bentangkan oleh Awang Riggitt bin Luang — wakil Ukong Bukit yang meminta kerajaan supaya mendirikan bangunan2 sekolah tetap dan quarters bagi guru2 di-Kampung Bukit, Tutong Dua.

Usol ketiga di-luluskan ia-lah di-kemukakan oleh Awang Damit bin Salleh — wakil kawasan Rambai yang meminta supaya kerajaan membina bangunan tambahan di-Sekolah Melayu Rambai yang ada sekarang.

Majlis yang di-langsungkan di-bilik persidangan Pejabat Daerah Tutong itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh.

Sementara itu dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang bersidang pada 2 Julai lepas telah meluluskan satu usol.

Usol yang di-bentangkan oleh Awang Arshad bin Dollah itu ia-lah meminta kerajaan supaya memperbaiki jalan dari Pekan Bangar hingga ka-Ujong Jalan dan dari Simpang Ujong Jalan hingga ka-Bokok.

Persidangan itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak.

GAMBAR menunjukkan empat dari 14 orang penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei yang telah berlepas ka-Malaysia Barat untuk melanjutkan pelajaran mereka di-Institute Teknologi MARA.

Dari kiri: Awang Mohd. Serudin bin Apong, Awang Khalid bin Haji Ghazali, Awang Jumin bin Marsal dan Awang Mohd. Zain bin Yahya.

Sembilan orang daripada mereka di-hadiahkan biasiswa kerajaan dan lima orang lain-nya di-hadiahkan biasiswa kerajaan Malaysia di-bawah Rancangan Colombo.

Ini ada-lah pertama kalinya penuntut2 Brunei di-hantar ka-Institute tersebut.

Penuntut2 itu akan mengambil berbagai jurusan. Mereka di-jadualkan berada di-sana kira2 tiga atau empat tahun.

Orang berpakaian hijau: Sa-benar-nya pulis hendak tangkap kerbau

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Polis, Dato J.R.H. Burns berkata, anggota2 pulis telah berkerja pada waktu malam, untuk menangkap kerbau2 yang merayau2 di-sepanjang Jalan Tutong.

Orang2 itu berpakaian hijau, dan membawa pelontong kayu untuk menangkap kerbau.

Ada berita angin yang mengatakan orang2 berpakaian hijau membawa pelontong kayu, telah kelihatan di-waktu malam.

Dato Burns berkata, berita itu ada-lah benar. Orang2 itu sedang menjalankan tugas rasmi.

Beliau meminta orang ramai supaya jangan merasa bimbang.